

Headline **RM18 juta untuk projek teknologi rakyat**
Date **10 May 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **173 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,254**
PRValue **6,763**



RM18 juta untuk projek teknologi rakyat

SIBU 9 Mei – Kerajaan memperuntukkan RM18 juta untuk melaksanakan 165 projek teknologi rakyat bagi membantu masyarakat pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak untuk sama-sama menikmati arus pemodenan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, kementerian telah mengenalpasti 25 teknologi yang berseuaian untuk dilaksanakan melalui program yang dikenali sebagai TAP-MOSTI@Community.

“Projek-projek yang bernilai antara RM100,000 dan RM150,000 itu akan

ditawarkan untuk dilaksanakan oleh ahli-ahli parlimen di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran projek pembekalan tenaga teknologi solar untuk makmal komputer Sekolah Kebangsaan (SK) Nanga Tutus, yang terletak kira-kira satu jam perjalanan melalui bot, hari ini.

Katanya, antara teknologi yang dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah program itu ialah projek membekalkan tenaga solar, sistem pengkomputeran, teknologi untuk nelayan, tanaman baru seperti gaharu dan teknik pembajaan terkini.

“Kita mahu membawa teknologi moden ciptaan pelbagai agensi kerajaan ini kepada rakyat untuk meringankan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar,” katanya.

Mengenai projek makmal komputer di SK Nanga Tutus, beliau berkata, sistem yang dibekalkan ke sekolah itu menggunakan teknologi inovasi terbaru yang mana ia mampu menampung keperluan tenaga makmal komputer itu untuk beroperasi 24 jam sehari.

“Kementerian melalui agensi-agensinya membekalkan enam pa-

nel solar, sistem aliran dan penukaran tenaga, bateri, enam buah komputer dan dua mesin pencetak untuk projek ini,” katanya.

Katanya, 52 pelajar di sekolah tersebut boleh menggunakan Internet di makmal itu melalui sistem rangkaian satelit SchoolNet dan juga akan dibekalkan dengan program belajar bahasa Inggeris secara mudah.

Beliau berkata, kementerianya juga tidak akan mengabaikan mana-mana projek teknologi yang dilaksanakan di pedalaman dengan memastikan pegawai-pegawai berkaitan akan sentiasa membuat susulan selepas sesuatu projek dilaksanakan.

Sementara itu, Guru Besar SK Nanga Tutus, Enturan ak Jibang berkata, pihak sekolah dan penduduk setempat sangat berbangga kerana terpilih untuk mendapat projek makmal sekolah bernilai lebih RM100,000 itu yang boleh membantu para pelajar.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM), Datuk Mohd. Azman Shahidin, Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Datuk Wahab Abdullah dan ketua-ketua kampung di kawasan tersebut.